

14/04/1998

PM lancar konsert

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual melancarkan Konsert Cintai Malaysia Artis Tempatan anjuran MCA di Dataran Merdeka, akhir bulan depan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pertunjukan itu adalah sebahagian daripada kempen `Cintai Malaysia, Beli Barangan Buatan Malaysia' yang dilancarkan parti itu Disember tahun lalu untuk membantu negara mengatasi kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang.

Menurutnya, sejak kempen itu dilancarkan, industri pembuatan dan pelancongan tempatan mula mendapat sambutan dan peningkatan daripada segi jualan.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, berdasarkan maklum balas diterima daripada beberapa pengusaha pelancongan tempatan melalui laman Internet, membuktikan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara berkurangan 50 peratus, manakala pelancongan domestik meningkat 25 peratus.

(END)